

**Kazakhstan pelawa kembang perniagaan
Utusan Online
18 April, 2012**

PUTRAJAYA 18 April - Kazakhstan mempelawa pelabur Malaysia mengembangkan sayap perniagaan di negara Asia Tengah itu dalam pelbagai bidang seperti pembinaan, minyak dan gas, kewangan, pelancongan dan pendidikan.

Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Presiden Kazakhstan, Nursultan Nazarbayev turut menyatakan secara spesifik beberapa bidang yang menawarkan peluang kerjasama antara kedua-dua negara yang sesuai untuk diterokai.

Menurut Perdana Menteri, tawaran dibuka untuk bidang teknologi maklumat (IT), pembangunan industri, penerokaan sumber asli, pembinaan lebuh raya, hospital dan pengurusan lapangan terbang.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar bersama Nursultan di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Sementara itu, Nursultan berkata, negara itu sedang berusaha merancakkan semula ekonomi secara intensif supaya lebih bersifat inovatif termasuk membina 200 ke 300 kemudahan industri baru dengan pelaburan berjumlah AS\$50 bilion menjelang 2020.

``Kazakhstan mempunyai industri pertanian yang maju dan memiliki sijil halal MS1500 pada 2005, kita merupakan satu-satunya Komanwel Negara-Negara Merdeka (CIS) yang memperkenalkan sistem perbankan Islam," katanya. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0418&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_18.htm